



JABATAN MUFTI NEGERI PAHANG

TEKS KHUTBAH

Tajuk :

BAHANA ARAK

Tarikh Dibaca :

25 September 2020 / 07 Safar 1442H

Disediakan oleh :

Bahagian Rujukan Fatwa

Jabatan Mufti Negeri Pahang



BAHANA ARAK

25 September 2020 | 07 Safar 1442H

أَحْمَدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ

أَعْمَالِنَا مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ

وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ،

فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa-Taala dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita diberkati Allah Subhanahu wa-Taala di dunia dan akhirat.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Taala.

Arak adalah haram dalam Islam kerana ia merosakkan akal manusia. Kerosakan dan keburukan arak ini dinyatakan oleh Allah Subhanahu wa-Taala dalam surah al-Maidah ayat 91.



أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

إِنَّمَا يُرِيدُ الشَّيْطَانُ أَنْ يُوقِعَ بَيْنَكُمُ الْعَدَاوَةَ وَالْبَغْضَاءَ فِي الْخَمْرِ وَالْمَيْسِرِ

وَيَصِدَّكُمْ عَنْ ذِكْرِ اللَّهِ وَعَنِ الصَّلَاةِ فَهَلْ أَنْتُمْ مُنْهَوْنَ ^ص

Yang bermaksud: “*Sesungguhnya syaitan itu hanyalah bermaksud mahu menimbulkan permusuhan dan kebencian di antara kamu, dengan sebab arak dan judi, dan mahu memalingkan kamu daripada mengingati Allah dan daripada mengerjakan sembahyang. Oleh itu, mahukah kamu berhenti (daripada melakukan perkara-perkara yang keji dan kotor itu atau kamu masih berdegil)?*.”

Ayat ini jelas menegaskan bahawa arak punca segala keburukan dan kejahatan sebagaimana sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Hakim:

اجْتَنِبُوا الْخَمْرَ فَإِنَّهَا مِفْتَاحُ كُلِّ شَرٍّ

Yang bermaksud: “*Hendaklah kamu menjauhi arak, sesungguhnya arak kunci segala kejahatan.*”



Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Taala.

Negara kita dikejutkan dengan kes-kes kematian di jalanraya yang disebabkan oleh pemandu mabuk.

Oleh itu, marilah kita bersama-sama memberi sokongan yang padu kepada usaha-usaha kerajaan sekarang bagi mengenakan hukuman yang berat kepada pemandu mabuk. Bagi mereka yang terjebak dengan arak, bertaubatlah segera dengan meninggalkan arak serta memperbanyakkan amal soleh semoga mendapat keampunan Allah Subhanahu wa-Taala.

Ingatlah dosa arak ini bukan hanya kepada peminum arak sahaja bahkan semua pihak yang terlibat dengan arak juga berdosa. Dalam hadis diriwayatkan oleh Ibnu Majah, Anas Radhiallahu anhu berkata: *“Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam melaknat sepuluh golongan yang terbabit dengan arak, iaitu orang memerah arak, meminta arak diperah untuknya, meminumnya, membawanya, meminta dibawa arak kepadanya, memberi minum arak kepada orang lain, menjual arak, mendapat hasil daripada arak, membeli arak dan orang yang meminta dibelikan arak untuknya.”*



Firman Allah Subhanahu wa-Taala di dalam surah al-

Anfal ayat 25:

وَأَتَّقُوا فِتْنَةً لَا تُصِيبَنَّ الَّذِينَ ظَلَمُوا مِنْكُمْ خَاصَّةً ^ص وَأَعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ

شَدِيدُ الْعِقَابِ ﴿٢٥﴾

Yang bermaksud: “Dan peliharalah diri kamu daripada berlakunya dosa yang membawa bala bencana yang bukan sahaja akan menimpa orang yang zalim dalam kalangan kamu secara khusus tetapi akan menimpa kamu secara umum ketahuilah bahawa Allah Maha berat azab-Nya”

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ آيَاتِ وَالذِّكْرِ

الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا

وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ

وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.